




ANGGOTA penguat kuasa MPS bertindak merampas barang jualan milik penjaja haram warga asing yang bergiat aktif di Pasar Harian Selayang.

51 operasi dilakukan MPS sehingga September lalu

Kuala Lumpur: Sebanyak 51 operasi dilakukan pihak penguatkuasa Majlis Perbandaran Selayang (MPS) sejak awal tahun ini sehingga September lalu bagi membendung kegiatan penjaja haram warga asing.

Jurucakap Majlis Perbandaran Selayang berkata, lebih 700 bakul pelbagai sayur-sayuran dan 300 bakul pelbagai buah-buahan disita oleh pihak penguatkuasa MPS dalam operasi berkenaan.

Bagaimanapun, pihak MPS berdepan cabaran dan kekangan berikutan penguat kuasa MPS hanya

mempunyai kuasa untuk merampas dan menyita barangan perniagaan peniaga warga asing di sekitar Pasar Harian Selayang (PHS).

"Kawasan pasar borong itu adalah kawasan sempadan antara Wilayah Persekutuan dan Selangor. Oleh itu penguatkuasaan

terhadap kawasan itu agak terhad dan sukar.

"Walau bagaimanapun MPS bersama agensi berkaitan kerap melakukan operasi bersepadu dari masa ke semasa untuk mengatasi aktiviti penjaja haram ini dari terus berleluasa.

"Pemantauan berterusan

dijalankan MPS selain operasi bersepadu dilaksanakan termasuk oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) supaya masalah ini dapat dikawal," katanya, semalam.

Menurutnya, Jabatan Penguatkuasa dan Keselamatan MPS turut mengambil

inisiatif dengan meletakkan lori jabatan sebagai amaran atau peringatan di kawasan pasar borong bermula jam 3 petang hingga jam 12 tengah malam bagi mengekang peniaga warga asing berniaga di kaki lima di sekitar kawasan pasar borong.